

# MAJLIS PENUTUP PROGRAM SUPER AULAD WAL BANAT 3.0 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5703-majlis-penutup-program-super-aulad-wal-banat-3-0-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5703-majlis-penutup-program-super-aulad-wal-banat-3-0-2019)

SUBANG, 5 Dis 19 - Program Super Aulad wal Banat 3.0 2019 anjuran Masjid Pangkalan dengan kerjasama Pejabat Agama Pangkalan Udara Subang telah melabuhkan tirainya setelah program ini dijalankan bermula 3 Dis sehingga 5 Dis 19.

Super Aulad wal Banat merupakan nama trademark campuran bahasa inggeris dan bahasa arab yang membawa maksud “anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan hebat”.

Program ini telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya dan menjadi agenda tahunan bagi pengisian cuti sekolah anak-anak warga pangkalan. Seramai 98 orang peserta yang telah mengambil bahagian terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan berusia 10 hingga 15 tahun.

Program 3 hari 2 malam ini menerapkan elemen adab dan akhlak, selain daripada fokus kepada ibadah solat.

Majlis penutup Program Super Aulad wal Banat telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Omar bin Haji Dawami TUDM.



